Imbau memori silam dorong interaksi bermakna pesakit demensia dan penjaga

Penjaga lebih kenali pesakit, dapat atur kegiatan seiring minat mereka

SHARLIN NASYIROH AZMI
sharlin@sph.com.sg



Encik Mohamed Said Selamat (kiri), melihat hasil catatan dan lukisan mengenai kehidupan masa lalunya yang dihasilkan oleh Bong Chai Lee, artis lulusan Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa), semasa majlis pelancaran inisiatif berteraskan seni untuk pesakit demensia, yang diadakan di Hospital Masyarakat Jurong (JCH) pada 1 Oktober. – Foto JCH

Mengimbau kenangan lama lebih daripada sekadar mengenang masa lalu bagi pesakit demensia.

Setiap kali Encik Mohamed Said Selamat, 87 tahun, terkenangkan zaman kanak-kanaknya di Pulau Brani, beliau akan menceritakan pengalamannya bermain di laut serta membuat kuih.

Ini sering membangkitkan sisi dirinya yang lebih ceria serta bersemangat melakukan kegiatan yang bermakna pada siang hari, kata anaknya, Cik Norizan Mohamed Said, 54 tahun, kepada *Berita Harian* (BH).

Usaha memastikan bapanya – yang disahkan menghidap demensia pada pertengahan Mei lalu – kekal aktif dengan kegiatan bermakna pada siang hari turut membantunya tidur lebih nyenyak pada waktu malam.

"Apabila kita mengetahui kisah hidupnya, kita dapat lebih memahami dirinya.

"Kita tahu apa yang penting baginya dan apa yang beliau suka, jadi lebih mudah untuk kita mendekatinya dan merancang kegiatan untuk dilakukannya," ujar Cik Norizan, yang juga anak sulung dua beradik.

Dengan mengetahui kisah hidup, minat dan perkara penting bagi seseorang, penjaga juga boleh mendapatkan gambaran lebih jelas tentang individu di sebalik diagnosis demensia itu, dan menggunakan pengetahuan tersebut untuk berinteraksi dengannya.

Pendekatan itu dijadikan asas kepada projek, *Life Storybook* (Buku Kisah Kehidupan), sumber dalam talian yang menyediakan templat buku kecil untuk dimuat turun.

Projek, *Life Storybook,* telah dibangunkan Hospital Masyarakat Jurong (JCH) bersama Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa), dan merupakan antara daya usaha berteraskan seni untuk pesakit yang menghidap demensia.

Melalui interaksi berpandu, penjaga dan pekerja kesihatan boleh merakam detik penting dalam kehidupan hubungan kekeluargaan, hobi serta perkara yang menggembirakan mereka di dalam buku kecil tersebut.

Buku kecil itu juga boleh dilengkapkan dengan lukisan dan catatan yang boleh dihasilkan bersama pesakit demensia.

Projek rintis, *Life Storybook*, telah dijalankan selama empat bulan, melibatkan 28 pesakit demensia di JCH.

Projek tersebut bertujuan membantu penjaga dan pekerja kesihatan untuk lebih mengenali dan memahami pesakit demensia di bawah jagaan mereka, sekali gus dapat mewujudkan interaksi harian yang lebih bermakna.

Encik Said merupakan salah seorang daripada pesakit demensia yang terlibat dalam projek tersebut.

Kerjasama itu turut merangkumi karya seni interaktif melibatkan penggunaan deria seperti penglihatan, bunyi dan sentuhan, bagi menggalakkan penyertaan aktif pesakit dalam interaksi mereka bersama penjaga dan pekerja kesihatan.

Bagi Encik Said, proses merakamkan pengalaman hidupnya di dalam buku itu sendiri turut membangkitkan kenangan yang dekat di hatinya.

Menurut Bong Chai Lee, salah seorang artis Nafa yang terlibat dalam projek tersebut, Encik Said sering bercerita tentang laut, kapal dan kehidupannya di Pulau Brani semasa sesi interaksi mereka.

Pada pertemuan awal dengan Encik Said, beliau gemar bercerita tentang pengalamannya meronda di laut sebagai pegawai imigresen, kehidupan di kelong dan ikan yang pernah ditangkapnya, kongsi Bong kepada BH.

Selepas beberapa sesi interaksi bersama Encik Said, Bong mengambil inisiatif sendiri untuk mencari maklumat lanjut tentang Pulau Brani dan menemui bahan-bahan seperti video lama mengenai pulau itu.

Apabila ditunjukkan video tersebut kepada Encik Said, beliau dapat mengenal pasti tempat-tempat yang ditontonnya, dan terus bercerita mengenainya.

Pengalaman itu menunjukkan bahawa bahan-bahan yang berkaitan dengan kehidupan lalu pesakit demensia boleh membantu untuk mencetuskan perbualan, dan menggalakkan mereka berkongsi lebih banyak tentang pengalaman hidup mereka, tambah Cik Bong.

Keluarga juga boleh terus menggunakan buku kecil tersebut selepas pesakit keluar dari hospital, sebagai satu cara untuk lebih memahami insan tersayang.

Selain projek, *Life Storybook*, JCH turut meneroka bagaimana kreativiti menerusi seni, dan campur tangan awal boleh melengkapi penjagaan klinikal serta mewujudkan persekitaran penjagaan yang lebih mesra pesakit dan kakitangan.

Sementara itu, bagi Cik Norizan, pendekatan yang diambil projek seperti *Life Storybook* amat membantu kerana bapanya kadangkala keliru tentang waktu dan terlupa tentang perkara yang beliau boleh lakukan atau pun tidak.

Beliau berkata keluarga perlu berulang kali mengingatkannya, terutama sekali apabila beliau terjaga pada waktu malam dan menyangka sudah tiba masanya untuk melakukan sesuatu.

Selain menggunakan buku kecil itu, Cik Norizan turut mengajak bapanya melukis, memerhatikan keadaan sekeliling dan keluar menghirup udara segar agar beliau terus terlibat dalam kegiatan harian.

Baginya, usaha itu bukan sekadar untuk mengisi masa bapanya, malah, dapat membantu beliau untuk terus mengenali dan menghargai bapanya, di sebalik demensia yang dialaminya.

> "Apabila kita mengetahui kisah hidupnya, kita dapat lebih memahami dirinya. Kita tahu apa yang penting baginya dan apa yang beliau suka, jadi lebih mudah untuk kita mendekatinya dan merancang kegiatan untuk dilakukannya.
>
> **Cik Norizan Mohamed Said, anak dan penjaga kepada pesakit demensia, Encik Mohamed Said Selamat.**